

Sambutan Kemerdekaan Akan Serlah Penglibatan Masyarakat Pelbagai Kaum – Rais Bernama 09 Julai, 2012

KUALA LUMPUR, 9 Julai (Bernama) -- Sambutan Hari Kemerdekaan ke-55 pada tahun ini akan menyerlahkan penglibatan masyarakat pelbagai kaum di negara ini, kata Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak akan melancarkan sambutan Hari Kibarkan Jalur Gemilang pada 17 Julai ini bagi seluruh negara yang akan membabitkan tiga tempat mewakili tiga kaum utama di negara ini, di Kuala Lumpur.

Katanya tiga tempat itu ialah Brickfields mewakili masyarakat kaum India, Jalan Petaling (Tionghua) dan Kampung Baru (Melayu).

"Sabah dan Sarawak bagi kaum Iban dan Kadazan serta golongan minoriti yang berada di kedua-dua negeri tersebut.

"Sehubungan itu, semua negeri dipohon supaya mengibarkan Jalur Gemilang mulai 17 Julai sehingga Hari Malaysia, pada 16 September," katanya selepas menyerahkan peruntukan khas dan Jalur Gemilang kepada 13 wakil kerajaan negeri, pada Isnin.

Terdahulu, beliau mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kemerdekaan ke-55, di sini.

Rais turut meminta rakyat supaya menyemarakkan sambutan kemerdekaan dengan mengibarkan Jalur Gemilang, tanpa mengira kedudukan dan fahaman politik masing-masing.

Katanya langkah itu bagi mewujudkan perasaan cinta dan mengikat silaturahim di antara satu sama lain di bawah naungan dan lembayung bendera Malaysia.

Mengenai signifikan tema Hari Kemerdekaan pada tahun ini - 55 Tahun Merdeka Janji Ditepati, beliau berkata Perdana Menteri memperjuang program transformasi yang faedahnya telah diterima oleh masyarakat seperti pelaksanaan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dan sebagainya.

"Sebab itu kita tarik perhatian rakyat. Apabila kita berusia 55 tahun, maka semua janji kita selesai, janji yang dibuat oleh para pemimpin terdahulu dan janji yang dibuat oleh pemimpin kita sekarang," katanya.

Mengenai peruntukan khas kepada kerajaan negeri, Rais berkata sumbangan RM150,000 diberikan kepada setiap negeri bagi menjayakan sambutan sempena Hari Kemerdekaan dan menyemarakkan semangat patriotisme di seluruh negara.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=679195>